



**AGENDA TAMBAHAN
MEMBENTANG DAN MELULUSKAN
PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KE-11**



**Usah dirungut letihnya berusaha,
kerana dari situlah adanya kejayaan**



Untuk
**KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH
ANGKASA BERHAD**
Hak Cipta © 2025 KOPSYA
Hak Cipta gambar-gambar © 2025
Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad

Unit 209-509
Block C, Glomac Business Center
No. 10, Jalan SS 6/1
Kelana Jaya, 47301
Petaling Jaya, Selangor

03-7803 1214

03-7803 1204

www.kopsya.coop

Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa
Berhad - KOPSYA

Cetakan Pertama 2025

**Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad
(KOPSYA) 2025**

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun sama ada secara mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Anggota Lembaga Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad.



RASIONAL KULIT BUKU

Gambar pada kulit Buku Agenda Tambahan - Membentang dan Meluluskan Pindaan Aturan Ar-Rahnu Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-11 menunjukkan bendera yang berkibar megah bermotifkan logo KOPSYA di atas puncak gunung yang berlatarbelakangkan langit biru yang dipenuhi awan dan dipayungi matahari panas terik.

Ianya menggambarkan satu pencapaian yang dikecapi oleh KOPSYA meskipun pelbagai rintangan ditempuhi. KOPSYA menunjukkan kejayaan hasil kerja keras, seperti pepatah “Usah dirungut letihnya berusaha, kerana dari situlah adanya kejayaan.”

Secara ringkas, ia mencerminkan usaha berterusan melalui perancangan jangka panjang, pemikiran kreatif dengan perniagaan yang berasaskan prinsip Islam yang semuanya bertujuan membawa Koperasi Anggota ke arah kejayaan bersama.

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU

1.0. TAJUK DAN TARIKH KUATKUASA

- 1.1. Aturan ini dinamakan aturan **Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)**.
- 1.2. Aturan ini diwujudkan bagi aktiviti koperasi yang termaktub menurut Undang-undang Kecil 9 KOPSYA.
- 1.3. Aturan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-10 pada 25 Mei 2024.

2.0. TAFSIRAN

Tafsiran di dalam Aturan Aktiviti ini membawa erti berikut, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- 2.1. **“Akta”** merujuk kepada Akta Koperasi 1993 dan termasuk sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- 2.2. **“Arahan Statutori”** bermaksud Arahan Statutori yang dikuatkuasakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- 2.3. **“Ar-Rahnu”** merujuk kepada sistem Pajak Gadai Islam yang mematuhi prinsip Syariah, di mana barang berharga seperti emas dijadikan cagaran untuk mendapatkan hutang;
- 2.4. **“Garis Panduan”** merujuk kepada Garis Panduan (GP) yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- 2.5. **“Ibra’ ”** didefinisikan sebagai pengurangan atau pembebasan daripada jumlah hutang (rebat) yang perlu dibayar oleh penggadai atau penghutang kepada pemberi perkhidmatan atau pembiayaan;
- 2.6. **“JKA”** ertinya Jawatankuasa Ar-Rahnu yang dilantik oleh LK;
- 2.7. **“Kakitangan”** ertinya pekerja yang dilantik secara sah oleh KOPSYA;
- 2.8. **“KOPSYA”** merujuk kepada Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan sebagai pemegang gadai;
- 2.9. **“LK”** ertinya Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil KOPSYA;
- 2.10. **“Marhun (barang gadaian)”** adalah barang emas yang boleh digadaikan termasuk perhiasan emas yang boleh digadaikan (sandaran) kepada KOPSYA sebagai pemegang gadai dan boleh dijual beli;
- 2.11. **“Murabahah Tawarruq”** merujuk kepada gabungan dua konsep kewangan Islam yang digunakan untuk menyediakan pembiayaan yang mematuhi prinsip Syariah. Ia menggabungkan elemen **murabahah** (jual beli dengan keuntungan yang dipersetujui) dan **tawarruq** (cara mendapatkan tunai melalui transaksi jual beli komoditi / aset);

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

.....

- 2.12. **“Nilai Marhun”** ertinya harga atau nilai barang gadaian yang telah dinilai mengikut jenis, mutu, berat dan kandungan emas;
- 2.13. **“Pekeliling”** adalah merujuk kepada Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- 2.14. **“Penaksir”** ertinya kakitangan yang bertanggungjawab menjalankan penilaian barang gadaian;
- 2.15. **“Penggadai (Al-Raahin)”** ertinya seseorang individu yang menggadaikan barangnya kepada KOPSYA dan mendapatkan pembiayaan daripada gadaian tersebut;
- 2.16. **“Peraturan-Peraturan”** maknanya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010;
- 2.17. **“SAG”** merujuk kepada Surat Akuan Gadaian;
- 2.18. **“Ta’widh”** merujuk kepada ganti rugi atau pampasan berdasarkan kerugian sebenar yang dikenakan apabila pihak yang berhutang gagal memenuhi kewajipan mereka;
- 2.19. **“Undang-undang Kecil”** maknanya Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA dan termasuk sebarang pindaan berdaftar kepadanya; dan
- 2.20. **“Ujrah”** bermaksud bayaran (upah) yang dikenakan untuk perkhidmatan yang diberikan boleh merangkumi penyimpanan, penjagaan, takaful dan pengurusan emas.

3.0. TUJUAN

Aturan ini bertujuan untuk:

- 3.1. Memastikan pentadbiran dan pengurusan KOPSYA untuk menjalankan aktiviti pajak gadai Islam Ar-Rahnu dan sistem simpanan emas secara teratur menurut subseksyen 44(1) Akta selaras dengan kuasa dan kewajipan LK; dan
- 3.2. Menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada yang memerlukan perkhidmatan pajak gadai Islam menurut perenggan (g) fasal (2) Undang-undang Kecil 9 koperasi ini.

4.0. SUMBER KEWANGAN

Modal untuk menjalankan perniagaan pajak gadai Islam ini boleh diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

- 4.1. Sumber dalaman KOPSYA menurut perenggan (a) fasal (4) Undang-undang Kecil 9; dan
- 4.2. Sumber luaran KOPSYA menurut perenggan (b) fasal (4) Undang-undang Kecil 9, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut perenggan 50 (e) Akta dan Peraturan-Peraturan.

5.0. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Aturan ini hendaklah ditadbir dan diuruskan seperti berikut:

- 5.1. JKA telah diwujudkan oleh LK selaras dengan perenggan (w) fasal (2) Undang-undang Kecil 44 KOPSYA;
- 5.2. Penubuhan Jawatankuasa Ar-Rahnu terdiri daripada seorang (1) Pengerusi dan empat (4) orang ahli JKA;
- 5.3. JKA bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar aktiviti Ar-Rahnu sebagaimana diluluskan oleh LK. Tanggungjawab JKA adalah seperti berikut:
 - (a) Mematuhi aturan-aturan aktiviti;
 - (b) Menyediakan pelan operasi dan lokasi yang strategik;
 - (c) Menyediakan peruntukan bajet pengubahsuaian bangunan dan operasi yang mencukupi;
 - (d) Memastikan kepatuhan kepada garis panduan patuh Syariah;
 - (e) Menyediakan sumber manusia;
 - (f) Mengkaji dan mengesyorkan penambahbaikan kepada polisi dan prosedur;
 - (g) Menangani isu-isu teknikal;
 - (h) Menyediakan dan menyemak sumber dan penggunaan kewangan;
 - (i) Memastikan perkembangan keberkesanan sistem dan prosedur;
 - (j) Memastikan fungsi Jawatankuasa Ar-Rahnu memenuhi garis panduan dan akta;
 - (k) Mengkaji aduan dan masalah yang timbul serta mencadangkan penyelesaian; dan
 - (l) Menyediakan laporan dan cadangan penambahbaikan kepada Anggota Lembaga KOPSYA.
- 5.4. Fungsi JKA boleh dipertanggungjawabkan kepada pengurusan; dan
- 5.5. LK boleh pada bila-bila masa menambahbaik atau membuat perubahan kepada Aturan ini sekiranya perlu atau berasaskan keperluan semasa.

6.0. PROSES GADAIAN

Proses pajak gadai Islam dalam aktiviti Ar-Rahnu adalah seperti berikut:

- 6.1. Proses pajak gadai Islam yang digunakan oleh KOPSYA menggabungkan konsep Syariah iaitu:
 - (a) Ar-Rahnu
Ar-Rahnu merujuk kepada pajak gadai Islam mengikut Syariah.
 - (b) Murabahah Tawarruq
Murabahah Tawarruq ialah akad transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah.

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

6.2. Rukun Gadaian

KOPSYA akan memastikan empat (4) rukun dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu iaitu:

- (a) Pihak-pihak berkontrak (Penggadai dan Pemegang Gadaian);
- (b) Barang gadaian (marhun);
- (c) Hutang (marhun bih); dan
- (d) Ijab dan qabul (sighah).

6.3. Kelayakan Penggadai.

Seseorang penggadai hendaklah:

- (a) Warganegara atau penduduk tetap atau pengembara;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun; dan
- (c) Mempunyai keupayaan dari segi mental (waras).

6.4. Barang Gadaian

Kategori barang gadaian yang boleh diterima:

- (a) Barang kemas emas padu dan emas geronggang;
- (b) Barangan emas berbentuk jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas;
- (c) Barang gadaian yang boleh diterima hendaklah mempunyai mutu emas tulen dan berkualiti seperti berikut:

Mutu Emas	Kandungan Emas
24.0 karat	99.9%
22.8 karat	95.0%
22.0 karat	91.6%
21.0 karat	87.5%
20.0 karat	83.5%
18.0 karat	75.0%

- (d) Lain-lain mutu atau jenis emas iaitu emas paun, emas Kelantan dan emas sembilan hanya boleh diterima mengikut penilaian semasa;
- (e) KOPSYA tidak dibenarkan menerima barang kemas tidak tulen dan tidak bermutu bagi mengelakkan risiko kerugian;
- (f) KOPSYA boleh menerima barang kemas yang rosak namun perlu mencatat atau merekodkan kecacatan barangan tersebut dalam Surat Akuan Gadaian atau dikemaskini dalam sistem pengurusan Ar-Rahnu;

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

.....

- (g) KOPSYA boleh menerima barang gadaian dalam bentuk jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas yang dikeluarkan oleh syarikat berdaftar yang akan disenaraikan oleh KOPSYA dengan syarat sekurang-kurangnya dokumen berikut dikemukakan:
 - i. Resit pembelian atau invois jualan;
 - ii. Sijil ketulenan emas; dan
 - iii. Sijil penghargaan majikan.
- (h) KOPSYA tidak menerima barang gadaian terdapat sesuatu cap atau tanda menunjukkan ianya sebagai harta Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri atau apa-apa simbol keagamaan;
- (i) Penggadai hendaklah mengesahkan bahawa barang gadaian adalah milik sendiri melalui surat akuan gadaian. Penggadai adalah bertanggungjawab sepenuhnya tentang kesahihan milik barang yang digadai dan jika ada pihak lain yang menuntut hak milik barang berkenaan, maka pihak KOPSYA tidak akan dipertanggungjawabkan;
- (j) Barang gadaian tersebut mestilah wujud semasa urusan gadaian;
- (k) KOPSYA menggunakan kaedah pengujian dan penilaian emas yang bersesuaian berlandaskan piawaian prosedur operasi (SOP) dan amalan industri sebagai rujukan penaksir. Antara kaedah yang akan digunapakai adalah:
 - i. Pengujian asid (touchstone);
 - ii. Ketumpatan (densimeter);
 - iii. X-Ray Fluorescence (XRF); dan
 - iv. Magnet
- (l) KOPSYA akan mempamerkan di premis perkara-perkara berikut:
 - i. Harga emas harian;
 - ii. Kadar margin pembiayaan; dan
 - iii. Kadar keuntungan.
- (m) KOPSYA tidak akan mendagang atau mencagar barang gadaian kepada pihak lain dalam tempoh gadaian;
- (n) Surat Akuan Gadaian atau sebarang baucar sebagai bukti pembayaran perlu dikeluarkan oleh KOPSYA menurut fasal (2) Undang-undang Kecil 68.

6.5. Had Pembiayaan

Jumlah pemberian pembiayaan kepada setiap penggadai hendaklah tidak melebihi RM100,000 (Ringgit: Satu Ratus Ribu Sahaja) atau tidak melebihi lapan puluh peratus (80%) daripada nilai marhun untuk setiap transaksi, mengikut mana yang rendah. Jumlah Pembiayaan terkumpul adalah sehingga RM300,000 (Ringgit: Tiga Ratus Ribu Sahaja) bagi setiap penggadai. Dalam keadaan tertentu, JKA dengan kelulusan LK boleh mengurangkan had maksimum pembiayaan.

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

6.6. Tempoh Gadaian

- (a) Tempoh maksimum lanjutan gadaian tidak melebihi tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh gadaian;
- (b) Jika penggadai gagal melunaskan kadar keuntungan selama enam bulan, KOPSYA sebagai pemegang gadai boleh melelong barang gadaian;
- (c) Tindakan lelongan akan dilakukan oleh KOPSYA sekiranya penggadai gagal menebus barang gadaian selepas tamat tempoh 18 bulan.

6.7. Kadar Keuntungan

- (a) Kadar keuntungan pembiayaan dikira berdasarkan nilai pembiayaan dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus;
- (b) Kadar keuntungan yang dikenakan adalah maksimum satu peratus (1%) sebulan ke atas nilai pembiayaan iaitu maksimum 12% setahun ke atas pembiayaan;
- (c) Kadar keuntungan bagi tempoh lanjutan mengikut budi bicara JKA. Walau bagaimanapun, ia hendaklah tidak boleh melebihi daripada satu peratus (1%) sebulan ke atas nilai pembiayaan;
- (d) Bagi maksud pengiraan kadar keuntungan, tempoh gadai minima adalah 15 hari; dan
- (e) Pengiraan caj keuntungan menggunakan formula seperti berikut:

Caj Keuntungan Semi Tahunan =

$(\text{Kadar Keuntungan Tahunan (\%)} / 100) \times \text{Jumlah Pembiayaan} \times (6 / 12)$

Keterangan:

- **Kadar Keuntungan Tahunan (%):** Kadar keuntungan tahunan yang dikenakan dalam peratusan contoh: 12%
- **Jumlah Pembiayaan:** Jumlah pembiayaan yang dimohon.
- **6/12:** Tempoh separuh tahun atau 6 bulan.

Atau

Caj Keuntungan Tahunan =

$(\text{Kadar Keuntungan Tahunan (\%)} / 100) \times \text{Jumlah Pembiayaan}$

Atau

Caj Keuntungan 18 Bulan =

Keuntungan Semi Tahunan + Keuntungan Tahunan

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

6.8. Gadaian Semula

Penggadai adalah dibenarkan untuk menggadai semula barang gadaian yang sama dengan syarat pembiayaan dan kadar keuntungan yang lama dijelaskan sepenuhnya secara pelarasan dengan pembiayaan baharu. Jumlah pembiayaan baharu adalah bergantung kepada nilai marhun semasa.

7.0. PROSES PENEBUSAN

Proses penebusan barang gadaian adalah seperti berikut:

- 7.1. Penggadai adalah berhak menebus marhunnya pada bila-bila masa sebelum tempoh lapan belas (18) bulan atau mana-mana tempoh tambahan yang diberi oleh pihak KOPSYA tamat;
- 7.2. Penggadai boleh membuat bayaran balik pembiayaannya secara ansuran atau sekaligus;
- 7.3. Kaedah bayaran balik pembiayaan kepada KOPSYA boleh dibuat secara tunai atau pembayaran secara atas talian;
- 7.4. Penggadai hendaklah menyerahkan Surat Akuan Gadaian atau bukti akuan gadai di kaunter Ar-Rahnu untuk semakan sebelum marhun boleh ditebus;
- 7.5. Resit rasmi akan dikeluarkan oleh KOPSYA sebagai bukti penerimaan bayaran penyelesaian pembiayaan atau dipanggil tebus gadai yang telah dibuat menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 68 KOPSYA;
- 7.6. Sekiranya penggadai yang tidak berupaya untuk hadir sendiri bagi menebus barang gadaian atas sebab-sebab munasabah, penggadai boleh melantik seorang wakil atau waris dengan menghantar notis secara bertulis dan dikemukakan bersama-sama kad pengenalan penggadai serta Surat Akuan Gadaian yang asal;
- 7.7. Jika penggadai mati atau hilang upaya kekal, JKA diberi kuasa untuk meluluskan tempoh lanjutan sesuatu gadaian untuk jangka masa yang tidak melebihi tiga bulan tanpa perlu meminta wakil atau waris untuk berbincang mengenai urusan gadaian;
 - (a) Waris atau wakil di sisi undang-undang hendaklah mengemukakan sijil kematian penggadai atau kesahihan hilang upaya kekal penggadai semasa membuat penebusan barang gadaian.
 - (b) Sekiranya waris atau wakil di sisi undang-undang tidak dapat menebus gadaian tersebut dalam tempoh gadaian, JKA atas budi bicaranya boleh melanjutkan tempoh penebusan tidak melebihi dua (2) bulan tanpa perlu menjelaskan kadar keuntungan yang asal dan tanpa mengenakan kadar keuntungan tambahan bagi tempoh lanjutan.
 - (c) Sekiranya waris atau wakil di sisi undang-undang penggadai bersetuju supaya barang emas penggadai dilelong selepas tamat tempoh gadaian atau tempoh lanjutan dua (2) bulan, baki wang lelongan hendaklah diserahkan kepada waris atau wakil di sisi undang-undang penggadai setelah ditolak jumlah pembiayaan, kadar keuntungan dari tarikh gadaian sehingga tarikh kematian penggadai atau hilang upaya kekal dan kos lelongan.

- 7.8. Jika berlaku kehilangan Surat Akuan Gadaian yang asal, penggadai dikehendaki mengemukakan Surat Pengakuan Kehilangan Surat Akuan Gadaian dan hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. Dokumen tersebut hendaklah diserahkan kepada KOPSYA. Caj pengeluaran cetakan kedua Surat Akuan Gadaian akan dikenakan kepada penggadai.

8.0. PROSES LELONGAN

Proses lelongan barang gadaian akan dilaksanakan apabila memenuhi kriteria seperti berikut:

- 8.1. Jika penggadai tidak menebus marhunnya setelah tempohnya tamat, maka KOPSYA berhak melelong marhun berkenaan;
- 8.2. Sebelum tindakan melelong diambil, penggadai akan diberi notis secara bertulis mengenai tindakan ini untuk memberi peluang bagi menebus marhunnya. Penggadai atau pemilik hendaklah dimaklumkan melalui surat bagi perkara-perkara berikut:
 - (a) Notis pertama akan diberi dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh matang enam (6) bulan untuk memaklumkan bahawa tempoh gadaianya akan tamat. Caj notis (Ujah) akan dikenakan kepada penggadai;
 - (b) Notis kedua akan dihantar sehari selepas tarikh matang enam (6) bulan untuk memaklumkan bahawa tempoh gadaianya telah tamat. Caj notis (Ujah) akan dikenakan kepada penggadai;
 - (c) Notis ketiga akan dihantar tujuh (7) hari selepas tamat tarikh matang enam (6) bulan, memaklumkan barang gadaian akan disenaraikan sebagai barangan untuk dilelong. Caj notis (Ujah) akan dikenakan kepada penggadai; dan
 - (d) Notis terakhir akan dikeluarkan tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan menggunakan khidmat POS berdaftar (*AR Registered*) kepada penggadai. Caj notis (Ujah) akan dikenakan kepada penggadai.
- 8.3. Apabila penggadai gagal menebus marhun tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka KOPSYA berhak melelong marhun berkenaan;
- 8.4. KOPSYA berhak melelong marhun berkenaan pada kali pertama sepertimana akad yang telah dipersetujui semasa Surat Akuan Gadaian ditandatangani. Notis atau iklan mengenai lelongan tersebut akan dikeluarkan dan ditampal di premis Ar-Rahnu atau hebahan di media sosial akan dibuat bagi pengetahuan penggadai tersebut dan makluman kepada orang awam yang berminat;
- 8.5. Proses lelongan akan dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan. Pelelong berlesen yang dilantik akan mengendalikan lelongan awam kepada pembida-pembida;
- 8.6. Wang hasil daripada lelongan marhun akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos kadar keuntungan, kos lelongan, kos pengiklanan, kos tender, Ujah dan kos-kos lain jika ada;
- 8.7. Kadar keuntungan bagi marhun untuk tujuan lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai marhun pada tarikh asal gadaian dibuat;

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

- 8.8. Penggadai berhak untuk memeriksa rekod lelongan atau rekod akaun yang berkaitan;
- 8.9. Caj pengurusan lelongan akan dikenakan kepada penggadai mengikut kos lelongan sebenar. Caj ini akan ditolak daripada hasil pelelongan;
- 8.10. Lebihan tunai baki bersih wang hasil lelongan perlu dikembalikan kepada penggadai;
- 8.11. Kekurangan tunai selepas hasil lelongan perlu dituntut daripada penggadai; dan
- 8.12. Lebihan tunai baki bersih wang hasil lelongan yang tidak dituntut oleh penggadai akan dimasukkan ke dalam dana Kumpulan Wang Tidak Dituntut sebelum bayaran dibuat kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

9.0. PROSES REBAT (IBRA')

- 9.1. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada tindakan melepaskan sebahagian hutang yang perlu dibayar oleh penggadai sebelum tempoh yang dipersetujui.
- 9.2. Formula pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:

Ibra' =

$$\frac{(\text{Kadar Keuntungan Tahunan (\%)} / 100) \times \text{Jumlah Pembiayaan} \times (\text{Baki Bulan Tidak Digunakan} / 12)}{1}$$

Nota:

- **Kadar Keuntungan Tahunan (%):** Kadar keuntungan tahunan yang dikenakan ke atas pembiayaan.
- **Jumlah Pembiayaan:** Jumlah pokok pembiayaan yang dipohon.
- **Baki Bulan Tidak Digunakan:** Tempoh pembiayaan yang belum digunakan (dalam bulan).
- **12:** Bilangan bulan dalam setahun (untuk mengira kadar keuntungan secara tahunan).

- 9.3. Penggadai akan dikenakan caj keuntungan untuk tempoh minima 15 hari atas setiap gadaian yang dibuat walaupun penggadai membuat penebusan kurang dari tempoh 15 hari. Ini bertujuan untuk menampung kos operasi yang ditanggung oleh KOPSYA; dan
- 9.4. Dari sudut pengiktirafan hasil atau pendapatan untuk perakaunan, sebarang transaksi untung belum direalisasi (*unrealized profit*) tidak dianggap sebagai pendapatan sebenar sehingga bayaran tunai diterima daripada penggadai atau melalui hasil lelongan.

10.0. LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- 10.1. Ujrah (Upah)

Pihak KOPSYA berhak mendapatkan upah atau mengenakan caj tambahan merangkumi penyimpanan, penjagaan, takaful, pengurusan emas dan perkhidmatan yang disediakan seperti:

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

Bil	Perkara	Caj
i.	Caj notis	a. RM5.00 setiap notis sehingga notis ketiga. b. RM10.00 bagi AR <i>Registered</i> (notis terakhir).
ii.	Caj salinan/ cetakan kedua SAG	RM30.00 setiap SAG.
iii.	Caj pengurusan lelongan	Tertakluk kepada kadar / caj yang dikenakan oleh pihak pelelong berlesen.
iv.	Caj perkhidmatan Tawarruq	RM1.00 setiap SAG.
v.	Caj perkhidmatan cuci emas	RM10.00 setiap barang emas.
vi.	Caj Takaful	Tertakluk kepada kadar / caj yang dikenakan oleh syarikat takaful berlesen.

Kadar caj di atas adalah kadar maksimum dan boleh dikurangkan oleh JKA mengikut keadaan semasa dengan kelulusan LK.

10.2. Ta'widh (ganti rugi)

KOPSYA berhak mengenakan dan menuntut daripada pihak penggadai ke atas kerugian yang dialami kerana lewat/ gagal membayar baki pembiayaan. Baki pembiayaan atau apa-apa bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada KOPSYA adalah dikira dari tarikh pembayaran sehingga pembayaran sepenuhnya seperti mana berikut:

Ta'widh yang dikenakan adalah pada kadar sehingga 1% setahun ke atas jumlah keseluruhan baki tertunggak seperti mana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

11.0. WAKTU PERNIAGAAN

Waktu operasi aktiviti Ar-Rahnu seperti berikut:

- a) Isnin hingga Khamis 8.00 pagi hingga 5.00 petang
- b) Jumaat:
 - i. 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari
 - ii. 2.30 petang hingga 5.00 petang
- c) Sabtu 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari

12.0. SALURAN ADUAN

KOPSYA akan menyediakan saluran aduan untuk penggadai mendapatkan bantuan rundingan sekiranya menghadapi kesukaran dalam urus niaga berkaitan gadaianya.

13.0. KES POLIS

13.1. Laporan akan dibuat dengan mencatatkan maklumat kejadian seperti nama penggadai, nombor surat akuan gadaian dan transaksi;

13.2. Laporan tersebut akan dihantar ke JKA untuk makluman sebelum laporan polis dibuat;

AGENDA TAMBAHAN - MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN AR-RAHNU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-11

.....

14.0. PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Koperasi melalui Jawatankuasa Risiko bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan:

- 14.1. Rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- 14.2. Prosedur operasi aktiviti Ar-Rahnu yang mencukupi dan berkesan;
- 14.3. Proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko; dan
- 14.4. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga Koperasi dan didokumenkan.

15.0. AKAUN DAN AUDIT

- 15.1. KOPSYA hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan berkaitan aktiviti Ar-Rahnu;
- 15.2. KOPSYA hendaklah menyenggara satu akaun bank yang khusus bagi aktiviti Ar-Rahnu (jika perlu);
- 15.3. Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut perenggan (14.1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat dari tiga puluh hari selepas selesai sesuatu transaksi;
- 15.4. Penyediaan akaun aktiviti Ar-Rahnu hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat dari dua (2) bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain KOPSYA; dan
- 15.5. Tahun kewangan bagi aktiviti Ar-Rahnu hendaklah mengikut tahun kewangan KOPSYA sepertimana yang termaktub dalam Undang-undang Kecil 66.

16.0. JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 16.1. Jawatankuasa Audit Dalaman KOPSYA hendaklah mengaudit akaun aktiviti Ar-Rahnu sekurang-kurangnya empat kali setahun.
- 16.2. JKA boleh melantik audit luar untuk mengaudit sekurang-kurangnya satu kali setahun.

17.0. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya untuk diputuskan mengikut Undang-undang Kecil 79 KOPSYA.

18.0. PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH

KOPSYA hendaklah memastikan prinsip-prinsip Syariah sentiasa dipatuhi.

19.0. AKTA, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG KECIL

Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil KOPSYA dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 23 November 2022 dan Peraturan-Peraturan yang dibaca bersekali.

20.0. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

KOPSYA hendaklah pada setiap masa memastikan aktivitinya tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain di antaranya Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (*Anti Money Laundering And Anti Terrorist Financing Act 2001*) agar integriti dan reputasi KOPSYA terpelihara.

21.0. PINDAAN

Aturan ini boleh dipinda oleh KOPSYA dari masa ke semasa mengikut keadaan yang difikirkan sesuai.

Aturan ini telah diperakui oleh Jawatankuasa Syariah (JKS) dan Jawatankuasa Ar-Rahnu serta telah diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 12/2024 bertarikh 26 Disember 2024.



KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD

Unit 209-509

Block C, Glomac Business Center

No. 10, Jalan SS 6/1

Kelana Jaya, 47301

Petaling Jaya, Selangor

Tel : **+603-7803 1214**

Faks : **+603-7803 1204**